

Tinjauan Naratif Mengenai Impak Pempengaruh Media Sosial Terhadap Gen Z Dalam Membuat Keputusan Memilih Destinasi Percutian

Rosevia Francis
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

*Emel perhubungan: roseviafrancis@gmail.com

Abstrak

Pada era teknologi kini, pempengaruh media sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam kalangan Gen Z iaitu generasi yang dikenali sebagai generasi digital. Salah satu pengaruh yang sangat jelas adalah daripada aspek membuat keputusan dalam memilih destinasi percutian. Kesan daripada situasi ini memberikan cabaran kontemporari untuk pemasar dan industri pelancongan kerana generasi ini nampaknya kurang menggunakan pengiklanan tradisional. Tambahan pula Gen Z ini lebih memilih untuk menjadikan pempengaruh media sosial sebagai rujukan utama dalam memilih destinasi percutian. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk meneliti impak pempengaruh media sosial dalam pemilihan destinasi percutian dalam kalangan Gen Z. Pendekatan yang digunakan untuk kajian ini adalah analisis kandungan kualitatif berdasarkan data sekunder yang dikumpul daripada sumber atas talian, dengan sejumlah 10 artikel dipilih setelah melalui beberapa proses kriteria pemilihan. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor penting yang mempengaruhi Gen Z dalam memilih destinasi percutian adalah melalui keaslian kandungan dalam media sosial yang dipaparkan oleh pempengaruh media sosial. Selain itu terdapat juga hubungan positif antara keaslian kandungan dalam media sosial, kepercayaan terhadap pempengaruh itu sendiri serta interaksi dalam talian dalam kalangan Gen Z. Kajian ini turut memberikan cerapan untuk pemasar, pempengaruh media sosial serta penyelidik

Kata Kunci: *Pemilihan percutian, Gen Z, Media sosial, Pempengaruh Media Sosial*